

MBSB Bank anjur Program Pemulihan Bakau Ekologi


MBSB Bank anjur Program Pemulihan Bakau Ekologi

PETALING JAYA: MBSB Bank Berhad (MBSB Bank) giat memperjuangkan pemulihan bakau dengan menganjurkan Program Penanaman Pokok Bakau sebagai antara inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) utamanya.

Program tersebut merupakan salah satu program CSR bank yang paling konsisten dijalankan dengan tujuan untuk menangani perubahan iklim dan menyumbang kepada perjalanan pelepasan sifar syarikat.

Ketua Pegawai Eksekutif MBSB Bank, Datuk Nor Azam M. Taib berkata, pihaknya telah secara konsisten menyokong projek pemulihan bakau di pelbagai wilayah di negara sejak 2021.

Ujarnya, pokok-pokok itu akan menyerap sehingga berjuta-juta kilogram karbon dioksida dalam seumur hidup mereka dan digabungkan dengan dataran lumpur dan tanah di sekeliling, jumlah karbon yang disimpan boleh menjadi tiga hingga empat kali lebih banyak



PROGRAM menanam pokok bakau oleh kakitangan MBSB di Sabah. Program CSR itu bertujuan menangani perubahan iklim.

daripada jumlah yang disimpan oleh pokok di darat.

“Kami menjangkakan untuk

menanam 1,500 pokok bakau tahun ini. Setakat ini, kami telah menanam 500 pokok bakau

dengan bantuan pekerja kami di Kedah, Selangor dan Sabah.

“Lebih banyak pokok bakau

dijangka akan ditanam di Johor, Pahang dan Sarawak dalam beberapa bulan akan datang, yang juga sempena memperingati Hari Bakau Antarabangsa pada 26 Julai,” katanya dalam kenyataan.

Antara spesies bakau yang ditanam termasuk ‘Rhizophora Apiculata’ atau dikenali sebagai ‘Bakau Minyak’ dan ‘Rhizophora Mucronata’ yang dikenali sebagai ‘Bakau Kurap’.

Pertumbuhan pokok dipantau menggunakan sistem tag yang memudahkan penyelenggaraan pokok dan pencegahan pencerobohan.

MBSB Bank bertujuan untuk membawa impak positif dan mampan kepada ekonomi, masyarakat dan alam sekitar dengan menggunakan pakai Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG) dalam operasi kerana ia juga merupakan ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Global Compact Malaysia dan Brunei.